

Newspaper : **Kosmp!**  
Date : **16th April 2013**  
Title : **Bina Puri Thailand menang projek bina gudang RM80.88 juta**  
Section : Page :

---

---

## Bina Puri Thailand menang projek bina gudang RM80.88 juta

**KUALA LUMPUR** - Unit Bina Puri Holdings Bhd. (Bina Puri Holdings), Bina Puri (Thailand) Ltd. (Bina Puri Thailand) telah memenangi projek pembinaan bernilai RM80.88 juta daripada Thai Consumer Distribution Centre Co. Ltd.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam, projek itu adalah untuk mereka bentuk dan membina pusat pengedaran Unilever yang terletak di Ban Klong Prueng, Bangkok dan ia dijangka disiapkan dalam tempoh 14 bulan.

Pengarah Urusan Kumpulan Bina Puri Holdings, Tan Sri Tee Hock Seng berkata, ini merupakan kontrak pembinaan gudang dan kilang yang keenam dimenangi oleh kumpulan itu semenjak penero-kaannya di dalam industri pembinaan Thailand pada 2003.

"Penganugerahan baharu ini menandakan satu lagi pencapaian dalam hubungan jangka panjang antara kumpulan Bina Puri dan pelanggannya di Thailand," tambah beliau.

From : Group Corporate Communication Department  
Date : 16th April 2013  
Subject : Bina Puri News Update